



We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

## Persisi mahu cari jurulatih penggal baru

Berita Harian, 22 January 2000, Page 28

Article also available on Microfilm Reel NL21853

Printer-Friendly Page

# Persisi mahu cari jurulatih penggal baru

**SILAT** — Oleh Yusoff A. Rahman.

SIAPAKAH yang bakal menjadi jurulatih silat Singapura pada masa depan?

Persoalan ini timbul kerana Persekutuan Silat Singapura (Persisi) akan membuka permohonan baru mendapatkan jurulatih untuk penggal akan datang.

Ini dilakukan sekalipun khidmat tiga jurulatih masa lalu telah mengharumkan negara dari segi pencapaian dalam Sukan SEA Brunei.

Gandingan kepakaran Sheik Alauddin bersama dua rakannya, Jasni Salam dan Mohamed Noor Hashim, telah membantu Singapura mengutip tiga pingat emas dalam Sukan SEA tahun lalu — pencapaian Republik ini yang terbaik dalam sejarah sukan tersebut.

Menjelaskan tentang keputusan Persisi itu, Setiausaha Agungnya, Aeji Karmak, menjelaskan: "Ia bertujuan untuk memberi peluang kepada para jurulatih lain yang ingin berkhidmat dengan Persisi.

"Bagaimanapun, itu tidaklah pula bermakna tiga jurulatih yang ada sekarang ini tidak boleh mengemukakan permohonan masing-masing sekiranya mereka benar-benar ingin terus menjadi jurulatih nasional."

Bagaimanapun, Aeji menarik perhatian pemilihan para jurulatih itu nanti ter-

takluk kepada kriteria yang akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Panel kelak.

Ditanya berapakah bilangan jurulatih setempat yang berkecualan yang ada sekarang, Aeji berkata: "Pada fikiran saya, bilangannya lima enam orang."

Seramai enam jurulatih, termasuk bekas ketua jurulatih Singapura, Ramli Awi, telah pun memohon untuk menjadi jurulatih bagi musim penggal yang lalu.

Ditanya lagi tentang kemungkinan Persisi akan terus mendapatkan seorang jurulatih sepenuh masa nanti, Aeji menambah kata: "Buat masa ini, Persisi masih lagi mahu menggunakan jurulatih sambilan.

"Namun, jika Persisi ingin menggunakan jurulatih sepenuh masa, kami perlu mengetahui sumbangan kewangan yang bakal diterima daripada Majlis Sukan Singapura (SSC)."

Dalam pada itu, seorang Pegawai Sukan SSC, Abdul Rahman Hassan, berkata: "SSC menggalakan setiap persatuan yang diletakkan dalam Kategori Utama dan Merit untuk mendapatkan jurulatih dan juga pegawai pentadbiran sepenuh masa.

"Kesemua mereka itu perlu mengemukakan saranan tersebut kepada kami."